

05/05/2001

Tambah tempat pelajar bukan Bumiputera: Adnan

Sariha Mohd Ali

MUADZAM SHAH, Jumaat - Kerajaan Pahang meminta Kementerian Pendidikan menambah tempat kepada pelajar bukan Bumiputera yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu, untuk memasuki institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Ini kerana selepas pemilihan pelajar cemerlang Bumiputera memasuki IPTA dilakukan, masih ada 7,168 kekosongan di IPTA yang gagal dipenuhi kerana kelulusan pelajar Bumiputera yang kurang menggalakkan.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kementerian perlu memandang serius perkara itu kerana pelajar bukan Bumiputera yang layak dipertimbangkan bagi mengisi kekosongan itu adalah mereka yang cemerlang dalam SPM lalu dengan mendapat keputusan 12A, 11A atau 9A.

Beliau berkata, sokongan kerajaan negeri supaya pelajar bukan Bumiputera turut diberi peluang memasuki IPTA berbanding kuota ditetapkan bukan menghadkan ruang untuk pelajar Bumiputera, sebaliknya ia dilakukan kerana masih ada kekosongan, selain keutamaan diberi kepada pelajar bukan Bumiputera yang miskin.

Menurutnya, ramai pelajar bukan Bumiputera miskin yang mendapat keputusan cemerlang dalam SPM dan gagal diterima memasuki IPTA, tidak mampu untuk membayar yuran pengajian yang tinggi jika mereka meneruskan pendidikan di universiti swasta.

Sebagai contoh, katanya, kes seorang anak kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang mendapat kelulusan 10 A1 tetapi gagal memasuki IPTA, perlu menjadi panduan supaya kejadian seperti itu tidak berulang.

"Keputusan kemasukan ke IPTA sudah diketahui dan ramai pelajar cemerlang di kalangan bukan Bumiputera gagal memasuki universiti awam tempatan.

"Kuota pengambilan pelajar memasuki IPTA untuk Bumiputera dan bukan Bumiputera masing-masing sudah ditetapkan iaitu 55:45 tetapi selepas pengambilan dilakukan, terdapat 7,168 kekosongan dan saya menyeru kementerian menambah tempat kepada pelajar bukan Bumiputera di IPTA," katanya berucap pada majlis perasmian kampus Uniten Muadzam Shah, di sini hari ini.

Majlis perasmiannya dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara langsung menerusi persidangan video dari Kompleks Sukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kuala Lumpur.

Selain Uniten, perasmian secara serentak menerusi sidang video oleh Perdana Menteri itu turut membabitkan Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Kapar, Selangor; Skim Taman Perumahan TNB di Johor Bahru dan Kedai Tenaga Prosper di Kuala Lumpur.

Adnan berkata, pelajar Bumiputera sepatutnya tahu bahawa kecemerlangan pendidikan menjadi asas untuk mendapat tempat di universiti.

Berikutan itu, katanya, ibu bapa perlu memastikan anak mereka belajar dengan cemerlang dan dapat bersaing dengan pelajar bukan Bumiputera yang sentiasa berusaha untuk mendapat tempat di IPTA.

"Sebenarnya persefahaman kaum perlu dibentuk kerana perpaduan ini mampu mengelak kekacauan.

"Jadi, jika pelajar bukan Bumiputera diterima memasuki universiti selepas pelajar Bumiputera gagal memenuhi tempat yang disediakan, secara tidak langsung kita menyemai perasaan persefahaman antara kaum," katanya.

(END)